

Headline	Dana kewangan masjid bukan untuk bermegah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	12	ArticleSize	271 cm ²
AdValue	RM 3,564	PR Value	RM 10,692



Dana kewangan masjid bukan untuk bermegah

Oleh **RAM AL JAFFRI SAAD**

BANK Islam dilaporkan membuat penyeragaman tabung bergerak masjid di masjid-masjid seluruh negara. Usaha ini dikatakan sebagai menghargai kerjasama antara masjid dan pihak bank.

Rakan penulis yang juga seorang ahli jawatankuasa (AJK) sebuah masjid memberitahu dengan bangganya bahawa masjidnya mempunyai wang terkumpul melebihi RM50,000. Kutipan selepas solat sunat Aidilfitri baru-baru ini sahaja melebihi RM4,000.

Hampir semua rakan penulis yang pulang beraya di kampung baru-baru ini turut menceritakan bagaimana hebatnya ahli jawatankuasa masjid di tempat mereka menceritakan mengenai banyaknya dana kewangan masjid masing-masing.

Malah ada masjid yang mempunyai dana sehingga mencecah lebih RM100,000. Yang peliknya, AJK masjid-masjid seolah-olah berlumba-lumba untuk menunjukkan dana kewangan masjid manakah yang lebih tinggi.

Mengapa perkara ini terjadi? Adakah perlu dibangga dengan dana kewangan masjid yang banyak? Kenapakah dana kewangan ini tidak dimanfaatkan? Tiadakah program atau perancangan yang dilakukan dengan dana kewangan yang begitu besar ini?

Dana kewangan masjid yang kebanyakan disumbangkan oleh orang ramai ini bukanlah untuk dibangga-banggakan. Ia harus dimanfaatkan untuk memperkasakan institusi masjid itu sendiri.

Sebenarnya banyak perkara yang boleh dibuat dengan dana ini.

Pertama, gunakanlah dana ini untuk menjaga kebersihan masjid terutamanya tandas-tandas masjid. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman penulis, hampir semua masjid yang pernah disinggahi, keadaan tandasnya amat menyedihkan.

Rata-rata tandas masjid berbau hancing, busuk dan amat kotor. Keadaan ini amat memalukan umat Islam, sedangkan dalam Islam kebersihan adalah sebahagian daripada iman.

Penulis pernah melawat ke beberapa negara ASEAN seperti Thailand dan Filipina serta ke beberapa negara Eropah dan mendapati bahawa keadaan tandas mereka jauh berbeza dengan kita.

Di Thailand, misalnya, setiap tandas awam yang disinggahi amat selesa dan bersih. Singgahlah di mana-mana sahaja tandas di United Kingdom, kita akan mendapati keadaan tandas mereka amat jauh berbeza dengan negara kita.

Justeru, ahli jawatankuasa masjid dica-

dangkan untuk memperuntukkan dana bagi tujuan memelihara kebersihan masjid. Mungkin pihak masjid boleh mengupah pekerja tetap bagi membersihkan tandas setiap hari dan dibayar gaji bulanan.

Mungkin juga jika ingin berjimat, pihak masjid boleh mengupah syarikat pencuci seminggu sekali untuk mencuci dan menyelenggara tandas-tandas masjid.

Kedua, gunakan dana masjid untuk menceriakan keadaan masjid. Sebagai contoh, pada malam Aidilfitri atau malam Jumaat, nyalakanlah semua lampu masjid agar kelihatan ceria.

Tidak seperti keadaan sekarang yang mana sesetengah masjid kelihatan begitu suram dan 'menakutkan' akibat keadaan gelap di sekitar kawasanya. Malah yang lebih teruk ada lampu dan kipas yang telah uzur dan rosak, namun tidak diganti.

Keceriaan dan keindahan masjid penting kerana ia mampu menarik minat ahli jemaah terutama orang muda dan kanak-kanak untuk ke masjid. Masjid yang ceria ini juga dapat menambahkan keselesaan para jemaah.

Ketiga, banyakkann program ilmu di masjid. Selain kuliah harian, diskusi isu semasa, pengajian kitab, pengajaran al-Quran, kursus perkahwinan dan lain-lain lagi, program-program berbentuk ilmu yang lain wajar disemarakkan.

Sebagai contoh, penganjuran kem pelajar soleh/solehah, kem peperiksaan UPSR/PMR/SPM, kursus pengurusan kewangan masjid, seminar masjid, ekspo kerjaya dan sebagainya boleh dijalankan. Jika tidak mampu dilakukan secara berseorangan, jalin kerjasama dengan pihak-pihak lain.

Keempat, dana masjid boleh dimanfaatkan untuk faedah anak-anak kariah melalui pemberian biasiswa pelajar cemerlang. Sumbangan kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang UPSR, PMR atau SPM mampu menyuntik motivasi mereka untuk berusaha dengan lebih gigih pada masa hadapan.

Bantuan juga boleh disalurkan kepada mereka yang berjaya mendapat tawaran daripada institusi pengajian tinggi (IPT).

Adakah sumbangan kepada mereka ini akan merugikan pihak masjid? Dengan bantuan ini, institusi masjid akan dilihat sebagai institusi yang proaktif dan cemerlang dari segi pengurusanannya.

Apa yang lebih penting, anak-anak kariah yang cemerlang ini suatu hari nanti akan menjadi orang yang berjaya. Merekalah akan menjadi penyumbang kepada dana kewangan masjid pada masa akan datang.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Penyelidik Utama Institut Penyelidikan dan Pengurusan, Universiti Utara Malaysia